

11/05/2002

`20 tahun penjara, sebatan amat wajar'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, menyifatkan keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Pilah semalam yang menjatuhkan hukuman maksimum 20 tahun penjara dan 20 sebatan terhadap seorang pesalah kes sumbang mahram, sebagai amat wajar.

Rafidah berkata, ia selari dengan apa yang disarankan Wanita selama ini. Beliau bersama Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, sering menyarankan hukuman maksimum dikenakan terhadap pesalah kes sumbang mahram.

"Saya tidak banyak bercakap di luar tetapi saya dan Shahrizat sering menyuarakan perkara ini dalam kabinet. Kita gembira pandangan kita dipandang serius," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Namun beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, perlu diingatkan bahawa mengenakan hukuman yang berat saja tidak akan menyelesaikan masalah berkenaan.

Apa yang lebih penting katanya, ialah soal didikan dan memahami tanggungjawab sebagai ketua keluarga, khususnya di kalangan lelaki.

Rafidah berkata, adalah wajar untuk semua pihak khususnya organisasi belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjalankan program bagi menyedarkan orang ramai mengenai perkara itu.

Katanya, ceramah berkala perlu diadakan dengan menjemput orang yang boleh memberi penjelasan mengenai tanggungjawab lelaki dalam keluarga, supaya masalah sumbang mahram dapat dibendung.

"Ini kerana sebagai wanita kita tahu bahawa hukuman tidak akan mengembalikan kita balik kepada status asal. Mangsa akan hidup selamanya dengan rasa malu.

"Apa yang patut kita buat ialah mencegah dan usaha pencegahan ini adalah usaha bersama. Namun, kita amat mengalu-alukan hukuman setimpal dan berat seperti dikenakan Mahkamah Sesyen di Kuala Pilah semalam," katanya.

Semalam, mahkamah berkenaan menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun dan 20 sebatan terhadap seorang bekas pemandu bas kilang yang kudung kaki kanan, Mohammad Mohd Said, 43, selepas didapati bersalah merogol anak saudaranya berusia 12 tahun, tahun lalu.

Perbuatan tertuduh menyebabkan anak bongsu daripada empat beradik itu mengandung dan melahirkan bayi belum cukup bulan, tetapi meninggal dunia di hospital.

Hakim Harminder Singh Dhaliwal menjatuhkan hukuman terhadap bapa kepada dua anak itu selepas mendapati dia bersalah merogol kanak-kanak berkenaan di sebuah rumah di Kampung Tengah, Tampin pada April 2001.

Hukuman yang dibuat mengikut peruntukan Seksyen 288 (1) Kanun Acara Jenayah itu dipercayai antara paling berat pernah dikenakan oleh mahkamah di negara ini terhadap pesalah kes sumbang mahram.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melakukan upacara ringkas melancarkan Kempen Poster Menentang Sumbang Mahram anjuran Puteri Umno di ruang legar ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Mengikut kenyataan akhbar yang dikeluarkan Puteri Umno pada majlis itu, antara lain tujuan kempen itu ialah untuk menimbulkan kesedaran melalui deria penglihatan dan membangkitkan kesedaran awam dengan cara lebih berkesan.

Antara lain poster dan risalah kempen berkenaan yang akan diedarkan

Puteri Umno menjelaskan maksud sumbang mahram, memaparkan statistik kes sumbang mahram, apa yang perlu dilakukan mangsa, menjelaskan peranan orang awam dan memaparkan nombor telefon penting bagi mendapatkan bantuan.

(END)